

24/07/1997

Membina cermin intelektual diri

Ramlan Abd Wahab

SARANAN Maarop Md Noh dalam rencananya, 'Bercermin daripada kehidupan murni' dalam ruangan ini 14 Julai lalu supaya setiap individu 'bercermin diri', tidak syak lagi suatu saranan intelektual yang berani. Apatah lagi apabila saranan itu ditunjukkan bukan saja kepada individu awam, tetapi juga 'pemerintah'.

Walaupun Maarop tidak menyatakan secara eksplisit faktor utama mendorongnya membuat saranan itu, tetapi ia berkait rapat dengan paradoks kemodenan seperti yang dimanifestasikan oleh sikap, amalan, sifat dan tingkah laku, serta tindakan negatif dan destruktif yang kadangkala melampaui batas kemanusiaan. Fenomena seperti sumbang muhrim, tingkah laku musnah, amalan menyeleweng daripada norma masyarakat dan adat, jenayah bersenjata, penagihan dan pengedaran dadah dan sebagainya adalah petanda kehancuran masyarakat yang tidak mahu lagi 'bercermin diri'.

Dan 'cermin' yang dimaksudkan Maarop itu tentunya bukan cermin satah yang memantulkan imej secara pasif: Sekadar memperagakan realiti untuk tatapan. Tetapi cermin itu ialah cermin 'kehidupan nurani' dan kewujudan intelektualisme yang bukan saja ditunjangi pengetahuan dan akal, tetapi unsur ketamadunan madani dan nilai keinsanan syumul.

Maarop mungkin tidak berkesempatan menghuraikan bagaimana cermin itu boleh diperolehi. Apa yang pasti, cermin itu bukan terbina daripada jujuk fizikal atau unsur kimia seperti silika, tetapi daripada kesedaran dan keinsafan bersepadu bersama maruah, jati diri dan ketakwaan.

Cermin yang bakal memantul pelbagai kelemahan, kenaifan, kedaifan dan paradoks pada sikap, prinsip, tindakan, pandangan hidup dan tingkah laku seseorang individu itu, sebenarnya boleh dibina menggunakan prinsip kerukunan dan norma kehidupan dan kewujudan sejagat yang dipersetujui secara konsensus dan disaring serta dimurnikan kebenaran transendental dan wahyu abadi. Paksi cermin itu, tanpa sebarang tolak ansur, ialah paksi ketuhanan.

Realitinya, cermin sebegini wujud sebagai model yang berprestasi cemerlang daripada semua aspek kehidupan dan kekhalifahan, di samping menghayati unsur kecemerlangan secara berterusan dan komited kepada prinsip kewujudan yang bermatlamat. Cermin itu juga wujud sebagai sistem rujukan yang sah dari segi sejarah dan hakikat bertanggungjawab berlandaskan konsep keibadatan demi kepentingan keduniaan dan akhirat.

Untuk membinanya, dua strategi yang wajar diberi keutamaan ialah, pertama; mengenal pasti tokoh dalam pelbagai bidang dan sektor yang berwibawa untuk menjadi teladan kecemerlangan mereka menjadi pegawai bandingan dan kedua; membina sistem rujukan yang definitif dan dinamik untuk berfungsi sebagai sumber panduan, rangsangan, gagasan, dan asas penilaian, yang keseluruhannya akan memantulkan realiti diri individu sebagai warga dan insan.

Bagi umat Islam, seruan supaya sentiasa meneladani Nabi Muhammad dan sahabat Rasul itu, sudah dikumandangkan sejak beratus tahun lalu. Demikian juga, penganut agama lain diseru supaya mencontohi pemimpin agama masing-masing.

Di samping itu, persada kepemimpinan di seluruh pelosok dunia menyerlahkan ratusan tokoh ternama seperti Tunku Abd Rahman, Tun Abd Razak, Sukarno, Chiang Kai-Shek, Mahatma Gandhi, Jawaharlal Nehru, Ayatollah Khomeini, John F Kennedy, Martin Luther King, Franklin Roosevelt dan Winston Churchill. Setiap mereka mempunyai ciri kecemerlangan yang

boleh dijadikan teladan. Tokoh pemimpin yang masih berkhidmat seperti Dr Mahathir Mohamad, Nelson Mandela, Yasser Arafat, Fidel Castro, Lee Kuan Yew atau Suharto adalah tokoh berwibawa dan berkarisma untuk diteladani.

Apa yang penting dan bermanfaat dalam konteks `bercermin diri', bukanlah kronologi atau sejarah kehidupan peribadi, atau perincian keturunan dan ciri fizikal tokoh yang dipilih, tetapi ceritera perjuangan dan kepemimpinan masing-masing, khususnya prinsip, pegangan, persepsi perjuangan, gagasan dan nilai murni keinsanan yang menunjangi tindakan, keputusan, keintelektualan dan pengkaryaan berkenaan, di samping ceritera kegigihan mereka menghadapi cabaran dan mengatasi masalah.

Kecemerlangan tokoh harus dijadikan sebahagian daripada kurikulum Tamadun Islam dan Tamadun Asia yang kini diwajibkan di semua IPT di seluruh negara. Di institusi peringkat rendah dan menengah, hal ini boleh diserapkan ke dalam kurikulum mata pelajaran Kajian Tempatan dan Pendidikan Moral. Media massa boleh berfungsi menyiarkan aspek memberangsang dan memberi teladan daripada ceritera perjuangan tokoh itu.

Strategi kedua ialah membina sistem rujukan yang definitif, dinamik dan futuris, yang berfungsi sebagai asas rujukan dan penilaian. Sistem rujukan ini bukan sahaja perlu mengandungi falsafah kehidupan, keinsanan dan kewujudan yang diakui dan diterima umum serta selaras dengan hakikat kemuliaan dan kefitrahan sebagai khalifah, tetapi juga senarai norma dan nilai murni yang memenuhi aspirasi masyarakat, bangsa dan negara, serta agama. Berasaskan norma dan nilai yang dinyatakan secara eksplisit dan definitif, iaitu jelas dari segi kerasionalan dan natijahnya, seseorang dengan mudah akan dapat menggunakannya untuk menilai pegangan dan nilai hidup untuk memperbaiki diri dan menganjak paradigmanya.

Sistem rujukan itu juga perlu dinamik dan futuris iaitu mengandungi elemen tuntutan dan cabaran yang perlu didepani secara berterusan. Dr Mahathir dan Anwar Ibrahim, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, banyak mengemukakan elemen tuntutan dan cabaran yang bukan saja relevan dan pragmatik, tetapi juga intelektualistik dan mengarah kepada kebahagiaan dan kehidupan yang syumul.

Di antara elemen tuntutan dan cabaran terpenting ialah yang terkandung dalam Wawasan 2020 dan projek Koridor Raya Multimedia yang diilhamkan Dr Mahathir. Semua sembilan cabaran yang menunjangi gagasan membina kemakmuran dan kemodenan mengikut acuan sendiri, seperti yang dinyatakan dalam Wawasan 2020 itu, secara langsung memaksa individu menilai semula kesediaan dan kemampuan diri masing-masing untuk menghadapi masa hadapan.

Demikian juga, pelaksanaan MSC menuntut individu menilai semula kesediaan dan kemampuan, sama ada dari segi pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi, serta keupayaan menguasai dan memanfaatkan teknologi terkini, untuk menjamin dan mempertingkatkan kebahagiaan dan kemakmuran hidup bangsa dan negara dalam kemelut globalisasi dan liberalisme.

Dr Mahathir juga mencetus pelbagai gagasan sokongan yang mengandungi unsur tuntutan dan cabaran yang jadi rujukan kepada individu yang mahu `bercermin diri'. Gagasan pembangunan yang berteraskan konsep penswastaan, persyarikatan Malaysia, pengeluaran berteknologi tinggi dan bernilai ditambah, hubungan egalitarian yang menguntungkan, perimbangan antara kemajuan kebendaan dan spiritual, secara langsung melahirkan nilai yang perlu dianuti individu jika memilih jadi warga berjaya dan bermaruah.

Tegasnya, semua yang diperlukan untuk membina cermin diri memang wujud dalam sejarah dan terlembaga di persekitaran.

(END)